

# KENYATAAN MEDIA

## PENYERTAAN ANUGERAH KECEMERLANGAN INDUSTRI PEMBINAAN (MCIEA) 2019 DIBUKA SEHINGGA 12 APRIL

**Kuala Lumpur, 14 Mac:** Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) mengalu-alukan penyertaan para penggiat industri dalam Anugerah Kecemerlangan Industri Pembinaan 2019 atau *The Malaysian Construction Industry Excellence Awards* (MCIEA 2019) untuk berpeluang diiktiraf sebagai individu, projek atau organisasi pembinaan yang cemerlang di dalam sektor pembinaan di Malaysia. Penyertaan MCIEA 2019 kini dibuka sehingga 12 April 2019 dan pendaftaran adalah percuma.

Mula diperkenalkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) pada tahun 2000, MCIEA 2019 menandakan tahun ke 19 anugerah ini dilaksanakan bagi menghargai kecemerlangan penggiat industri, organisasi serta projek dalam meningkatkan imej, prestasi dan perkembangan industri pembinaan tempatan.

“Bagi mengukuhkan lagi inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan untuk merealisasikan aspirasi Program Transformasi Industri Pembinaan (CITP) 2016-2020, MCIEA mewujudkan persaingan sihat dengan mempamerkan amalan terbaik penggiat industri dalam industri pembinaan. Oleh sebab itu, CIDB amat menggalakkan penyertaan para penggiat industri dalam MCIEA 2019 agar tahun ini kita dapat menyaksikan lebih banyak jumlah penyertaan serta pencalonan baharu,” kata Dato’ Ir Ahmad ‘Asri Abdul Hamid, Ketua Eksekutif CIDB Malaysia.

Kategori-kategori yang dipertandingkan di MCIEA 2019 adalah selaras dengan aspirasi empat teras strategik CITP, iaitu Kualiti, Keselamatan dan Profesionalisme, Kemampanan Alam Sekitar, Produktiviti serta Pengantarabangsaan.

Tahun ini, MCIEA 2019 dibuka dan dipertandingkan bagi 5 kategori berprestij termasuk:

- Anugerah Kontraktor Terbaik
- Anugerah Projek Terbaik
- Anugerah Pencapaian Antarabangsa
- Anugerah Kontraktor Terbaik 2019
- Anugerah Individu

Kesemua penyertaan MCIEA 2019 akan dinilai oleh juri-juri profesional yang dilantik menganggotai jawatankuasa penilai. CIDB mengalu-alukan penggiat industri pembinaan yang berminat untuk menyertai anugerah industri pembinaan terulung ini.

MCIEA 2018 telah menerima 195 pencalonan bagi 22 anugerah di bawah 10 kategori. Tahun lalu, MCIEA telah memberi pengiktirafan buat kali pertama kepada Syarikat WCT Berhad yang berjaya membawa pulang dua anugerah utama iaitu “Builder of the Year Award” dan “International Achievement Award”. MCIEA 2018 turut memberi pengiktirafan buat kali pertama kepada dua wanita bagi satu kategori iaitu Anugerah Construction Leading Lady iaitu Datuk Yeoh Soo Keng, Lembaga Pengarah YTL Corporation Berhad, dan Siti Majidah Abdul Majid, Pengarah Urusan, MIID Reka Sdn Bhd.

Foo Chek Lee, Pengarah Urusan Pembinaan Mitrajaya Sdn Bhd, dipilih sebagai penerima Anugerah “CEO of the Year” atas pencapaian cemerlangnya menguruskan syarikat manakala Dato’ Srikandan Kanagainthiram, Pengarah Urusan KPK Quantity Surveyors (Semenanjung) Sdn Bhd, diiktiraf sebagai Tokoh Terkemuka atas sumbangannya dalam industri pembinaan tempatan.

Untuk maklumat lanjut dan borang pendaftaran, anda boleh layari [www.cidb.gov.my/index.php/my/acara/mciea/mciea-booklet](http://www.cidb.gov.my/index.php/my/acara/mciea/mciea-booklet) atau boleh berhubung terus dengan Pn. Suhana Mohd Said di 03-4047 7046 (suhana@cidb.gov.my), Nur Hafizah Mohd Nor di 03-4047 7029 (hafizahmn@cidb.gov.my) atau Mohd Ikbal Abdullah Sani di 03-4047 7049 (ikbal@cidb.gov.my).

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web CIDB Malaysia di [www.cidb.gov.my](http://www.cidb.gov.my).

---

### **Mengenai CIDB**

*Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada profesionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.*

---

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Rakis Santa	<a href="mailto:rakis@cidb.gov.my">rakis@cidb.gov.my</a>	012 – 6200 360
Mansor Ahmad	<a href="mailto:mansor.ahmad@cidb.gov.my">mansor.ahmad@cidb.gov.my</a>	012 – 386 4997

Dikeluarkan bagi pihak CIDB oleh NagaDDB Tribal:

Putri Adlina	<a href="mailto:putri.adlina@nagaddbtribal.com.my">putri.adlina@nagaddbtribal.com.my</a>	013 – 357 9055
Kristine Yap	<a href="mailto:kristine.yap@nagaddbtribal.com.my">kristine.yap@nagaddbtribal.com.my</a>	017 – 333 3637

**#####**

OPEN FOR PARTICIPATION

20  
CCD POINTS

# MCIEA 2019

THE ACCOLADE FOR EXCELLENCE

THE BEST CONTRACTOR AWARDS

THE BEST PROJECT AWARDS

INTERNATIONAL ACHIEVEMENT AWARDS

CONTRACTOR OF THE YEAR AWARD

INDIVIDUAL AWARDS

PENGIKTIRAFAN UNTUK KECEMERLANGAN

12 APRIL 2019

CLOSING DATE

PARTICIPATION

IS FREE

PENYERTAAN ADALAH  
PERCUMA

LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA, Bahagian Dasar & Strategi (up Sekretariat MCIEA 2019) Email : mciea2019@cidb.gov.my  
Tkt. 24 Menara Dato' Onn, Putra World Trade Centre (PWTC) No. 45, Jalan Tun Ismail, 50480 Kuala Lumpur